


[TELAH DISEMAK]

Jilid 1  
Bil. 67

Isnin  
8 Januari 1996



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KHAS**

## **KANDUNGAN**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Ucapan Takziah kepada Keluarga Allahyarham  
YB. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman [Lipis] [Ruangan 1]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA  
KE DALAM MESYUARAT** [Ruangan 1]

**USUL MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN  
MESYUARAT 48** [Ruangan 2]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-Undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 [Ruangan 2]

**PENANGGUHAN MESYUARAT ATAS SEBAB  
PERATURAN MESYUARAT 53(2)** [Ruangan 6]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI  
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).

.. Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

.. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

.. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- .. Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- .. Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- .. Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- .. Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- .. TUAN ABDOL MULO BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- .. TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- .. TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

8 JANUARI 1996

---

Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).  
.. DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).  
.. PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).  
.. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).  
.. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).  
.. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).  
.. TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).  
.. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).  
.. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).  
.. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).  
.. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).  
.. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).  
.. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).  
.. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).  
.. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).  
.. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).  
.. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).  
.. TUAN FU AH KIOW (Mentakab).  
.. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).  
.. DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N.,  
.. P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).  
.. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).  
.. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).  
.. DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).  
.. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).  
.. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).  
.. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).  
.. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).  
.. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).  
.. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' ISAHAK (Kota Bharu).  
.. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).  
.. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P.  
.. (Rompin).  
.. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).  
.. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).  
.. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).  
.. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).  
.. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).  
.. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa  
.. Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- .. TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- .. DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- .. DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL. A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS. P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- .. MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- .. TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- .. DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- .. DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- .. DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- .. DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- .. DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- .. DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- .. TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- .. TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- .. DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- .. DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- .. DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- .. TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- .. TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- .. TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- .. DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- .. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- .. TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali. D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	---

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

**Isnin, 8hb Januari, 1996**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang*

### DOA

*(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

## PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

### UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM Y.B. DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (LIPIS)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan kita telah kehilangan seorang Ahli Yang Berhormat yang telah kembali kerahmatullah iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Abu Dahari bin Osman, Ahli Parlimen Lipis pada 29hb Disember 1995. Saya bagi pihak Majlis Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada balu Allahyarham Datin Shamsiah Chu dan keluarga mereka.

Bagi memperingati Allahyarham, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap dapat menghadihkan Al-Fatihah seberapa yang ikhlas kepada roh Allahyarham.

*(Ahli-ahli Yang Berhormat bertafakur  
selama seminit dan Ahli-ahli Yang*

*Berhormat yang beragama Islam  
menghadihkan Al-Fatihah)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 1996

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan pendidikan tinggi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat hari ini.

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan, dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL MERENTIKAN  
KUATKUASA PERATURAN  
MESYUARAT 48**

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

**Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
MAJLIS PENDIDIKAN  
TINGGI NEGARA 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.38 ptg.

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** (*Bangun*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 53(2). Kita mendengar sekejap tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mencadangkan bagi membentangkan satu Rang Undang-undang untuk bacaan kali pertama dan sekarang untuk bacaan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah perkara 53(2):

“53(2) Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli”.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan untuk maklumat Ahli-ahli Dewan ini, sehingga petang ini khususnya kami tidak pernah menerima Rang Undang-undang yang dibacakan kali pertama dan kedua yang disebutkan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, Akta Universiti Merdeka yang saya panggil ini, adalah amat penting. Adalah keterlaluan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Kerajaan Barisan Nasional tidak menghantar kepada Ahli-ahli Dewan; kita dijanjikan berbuat demikian beberapa hari yang lepas dan sehingga petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya masih belum menerima. Dan mengikut peruntukan perkara 53(2), “Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli” dan kami tidak pernah menerima kedua-dua Rang Undang-undang tersebut. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha, adakah Rang Undang-undang ini telah diedarkan kepada ahli-ahli?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, point of order.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, saya hendak selesaikan perkara ini. Adakah bersangkutan-paut dengan perkara itu?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Rang Undang-undang ini dihantar ke rumah saya. Jadi, tidak bermaksud bahawa perkara ini tidak boleh dibincangkan. Saya menerima dengan surat yang bertarikh 6hb Januari.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga dijanji, pada hari Sabtu saya telah menelefon Pejabat Parlimen meminta supaya dihantar kepada saya melalui Pos Berdaftar. Mereka menjanjikan untuk hantar pada hari kelmarin, sampai hari kelmarin saya tunggu, sampai pagi tadi tak ada, sampai petang ini pun tak ada. Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah Peraturan Mesyuarat 53(2) bacaan kali yang kedua tidak boleh diteruskan, kerana kami tidak menerima Rang Undang-undang tersebut. Tuan Yang di-Pertua. Kalau Kerajaan Barisan Nasional berhasrat untuk meneruskan dengan pindaan yang cukup penting di hadapan kita ini, kami daripada parti Melayu Semangat 46 tidak ada pilihan, melainkan kami terpaksa memulaukan persidangan Dewan ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Pulaulah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berbahagia Setiausaha, adakah dihantar kepada Ahli-ahli?

**Setiausaha:** (Memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kedudukannya begini, kami menerima Rang Undang-undang ini pada hari Sabtu. Jam berapa itu, Yang Berbahagia Setiausaha?

**Setiausaha:** (Memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sekali lagi)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sebenarnya kami tidak sempat; jikalau sekiranya pihak Parlimen hendak menghantarkan Rang Undang-undang ini pada Sabtu melainkan sebahagian sahaja yang telah dapat menerimanya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, point of order, 53(3) yang mengatakan:

"53(3) Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang kali yang kedua....."

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti, berilah saya dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap Yang Berhormat dari Machang, beri Yang Berhormat dari Parit Sulong dahulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Peraturan Mesyuarat 53(3) yang mengatakan apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang kali yang kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka suatu usul iaitu

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perbincangan meliputi asas dan buruk baiknya Rang Undang-undang itu pada amnya. Jadi, dalam hal ini saya mendapat Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang ini dihantar ke rumah saya.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**

Saya tidak mempertikaikan Yang Berhormat dapat, Tuan Yang di-Pertua—tidak. Peraturan 53(3) yang dibacakan tadi tidak berkaitan, itu dalam Dewan. Cuba kita faham betul-betul, Peraturan Mesyuarat 53(2). Tadi, Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan suatu Akta, bacaan kali yang pertama hari ini dan kemudian Yang Berhormat Menteri bangun untuk bacaan kali yang kedua—baik.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 53(2):

“53(2) Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua.....”

Maknanya bacaan kali yang kedua (second reading) tadi.....

“.....sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli.”

Saya tidak mempertikaikan Yang Berhormat dari Parit Sulong mungkin terima. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ahli, saya berhak, sampai hari ini saya tidak terima dan kalau ahli tidak menerima, di bawah Peraturan Mesyuarat 53(2) bacaan kali yang kedua tidak boleh dibaca. Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang ini tidak boleh dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab perkara ini sangat penting di atas bacaan Peraturan Mesyuarat kita, yang kelak akan dipersoalkan jikalau sekiranya saya mengambil keputusan yang tergesa-gesa.

Saya minta ditempokkan mesyuarat ini sehingga saya dapat menyelesaikan perkara ini. Ya, mesyuarat ditempokkan.

*Mesyuarat ditempokkan pada pukul 2.45 petang.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.05 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang Berhormat, saya telah menyelidiki kedudukan perkara ini dan saya dapati .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum apa-apa keputusan diambil, saya minta penjelasan daripada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua, mengenai tafsiran 53(2) yang dalam Bahasa Melayu mengatakan; “Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada Ahli-ahli”. Tetapi dalam bahasa Inggerisnya mengatakan 53(2); “No bill shall be read a second time until it has been circulated to Members”.

Jadi, tafsiran dalam bahasa Inggeris, perkataan ‘circulated’ itu adalah perkataan yang fleksibel, ini mencerminkan bahawa memang digubal sedemikian rupa untuk memberi sekiranya terdapat ‘constrain’ dari segi percetakan dan sebagainya.

Bolehkah kita tafsirkan perkataan ‘circulated’ itu sekiranya sekarang ini kita berikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Machang. Kita berikan, adakah itu maksudnya ‘circulated’? Itu saya ingin bertanya kerana di sini harus wujud satu ‘compromise’ atau satu kefahaman. Saya

minta perkara ini diberi tafsiran dahulu sehingga satu keputusan diambil. Terima kasih.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Machang. Macam mahkamah pula! (*Ketawa*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bukan begitu. Tuan Yang di-Pertua, isu yang ada di hadapan kita ini penting. Kalau kita membuat sedikit kesilapan, kita akui kesilapan itu. Sebagai langkah compromise, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah ini—senang! Tangguhkan Dewan hari ini sampai besok, hari ini hantar kepada semua Ahli. Perkara ini penting, jangan buat main-main!

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai masalah masa depan anak cucu kita—sistem pendidikan negara ini—jangan buat main-main, perkara yang serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya faham sebahagian besar daripada Ahli-ahli Barisan Nasional pun tahu tidak main-main tetapi cara dibentangkan ini cukup main-main seolah-olah cara main-main. Kalau kita serius memberi peluang kepada semua Ahli, untuk membahaskan dengan teliti secara baik, itulah langkah compromise yang paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, tangguhkan sidang Dewan ini kepada besok, petang ini pastikan ianya diedarkan kepada semua Ahli-ahli. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan yang di-Pertua, saya cuma minta peruntukan Standing Order dalam bahasa Inggeris 53(2) itu, perkataan 'shall be circulated' ditafsirkan, adakah maksudnya kalau saya ataupun petugas Parlimen hari ini memberikan Bil berkenaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Machang beberapa minit sebelum menteri membentangkan, adakah itu ditafsirkan sebagai 'circulated'? Saya minta perkara ini ditafsirkan. Di sini juga memerlukan compromise dari pihak pembangkang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli yang Berhormat hendak bercakap berkenaan dengan 'circulation' kah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yes! (*Ketawa*) Ini mustahak, point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berdiri dahulu tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pandangan rakan saya dari Parit Sulong kerana apabila ada perbalahan antara 'circulated' itu yang telah ditafsir dalam Bahasa Melayu, maka kita akan menggunakan tafsiran yang dalam bahasa Inggeris 'circulation' ertinya 'diedarkan'.

Jadi, hari ini kita telah edarkan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:**  
(*Sorak*)

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, jadi, bila telah diedarkan yang ini pun telah diluluskan oleh Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang. Jadi, 'circulation' ini ertinya 'diedarkan' dan telah pun diedarkan, maka bolehlah kita gunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Bukan perlu dibaca menyeluruh untuk makna 'diedarkan'. Jadi, ada masa hari ini untuk dibaca sementara Yang Berhormat Menteri menyampaikan hujah-hujahnya dan besok ada masa lagi, lusa ada masa lagi selama empat hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tafsiran 'circulated' atau dihantar sangat mustahak dan tak patut diberi satu tafsiran yang menunjukkan Dewan yang mulia ini, Parlimen Dewan yang unggul satu tempat permainan sahaja dan dihantar di mana memberi masa untuk Ahli-ahli Parlimen membaca, faham, mengkaji, bukan sahaja formality. Ini menunjukkan kalau begitu, Dewan ini akan menjadi 'laughing stock' di dunia, di negara dan di dunia dan rubber stamp. Jadi, 'circulated' supaya ada masa untuk mengkaji dan memberi satu contribution dalam perbahasan yang bererti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sudah cukuplah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Kalau diikuti peraturan Dewan "circulation", dia tidak kata perlu dua hari ataupun tiga hari, sampai dibaca dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Bharu hendak bercakap pula?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Ya, di atas Perkara 53 juga. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkataan 'dihantar' dengan 'diedar', kalau 'circulation' mungkin kita boleh tafsirkan dia sebagai 'diedar', tetapi kalau 'dihantar', itu 'sent'. Kalau naskhah itu berbeza antara yang bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, bahasa Kebangsaan kita dalam negara Malaysia, apakah kita patut merujuk kepada bahasa Inggeris? (*Ketawa*)

#### PENANGGUHAN MESYUARAT ATAS SEBAB PERATURAN MESYUARAT 53(2)

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang Berhormat. Biarlah saya membuat keputusan pada hari ini. Ahli-ahli yang Berhormat, perkataan 'circulation', perkara ini tidak berbangkit oleh kerana Usul ini telah dibawa dahulu dan cadangan hendak memberi Rang Undang-undang itu kemudian tidak kena pada caranya, kerana kedudukan Usul itu jikalau sekiranya betul, maka betullah pada masa ianya dikemukakan.

Jadi, yang sebenarnya saya telah masuk ke dalam tadi dan telah menyelidik kedudukan perkara ini dan saya dapati kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menerima Rang Undang-undang ini. Tetapi oleh sebab ada yang mengatakan dia tidak terima sepertimana di atas Usul Yang Berhormat dari Machang tadi, bahawa beliau tidak menerima, maka saya sebagai Tuan Yang di-Pertua terpaksa patuh kepada Peraturan Mesyuarat 53(2), (*Tepuk*) iaitu sesuatu Rang Undang-undang itu tidak boleh dibaca bagi kali kedua, melainkan setelah dihantar kepada tiap-tiap Ahli. Kalau sekiranya seorang sahaja tidak mendapat

dan tidak ada 'proof' dihantar atau tidak dihantar, maka kita tidak boleh membaca Rang Undang-undang itu pada kali yang kedua.

Oleh yang demikian, saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum mendapat Rang Undang-undang ini sila terima daripada pegawai-pegawai Parlimen pada petang ini juga dan oleh yang demikian saya terpaksa menangguhkan mesyuarat ini sehingga pada 2.30 petang esok. (*Tepuk*). Mesyuarat ditangguhkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 3.13 petang.*